

5

Prestasi Kewangan Sektor Awam

Prestasi 1999

Tinjauan Keseluruhan

Belanjawan 1999 yang diumumkan pada bulan Oktober 1998 mengambil langkah rangsangan fiskal bagi menggerakkan semula ekonomi dan meminimumkan kesan kemerosotan ekonomi yang terjejas akibat daripada krisis kewangan serantau. Pakej rangsangan fiskal ini bertujuan menggalakkan pemulihan ekonomi, meningkatkan daya tahan dan saingan serta mengstrukturkan semula sektor kewangan. Pada masa yang sama, program bagi melindungi golongan berpendapatan rendah dan yang terjejas akibat daripada kesan krisis ekonomi turut diberi penekanan. Walaupun belanjawan mengembang, Kerajaan mengekalkan dasar fiskal berhemat serta berdisiplin bagi memastikan defisit Belanjawan berada di paras yang mampan. Justeru itu, kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan pada tahun 1999 dianggarkan mencatat defisit sebanyak 6% daripada Keluaran Negara Kasar (KNK). Walau bagaimanapun, prestasi hasil menunjukkan gambaran yang lebih baik daripada dijangkakan. Sehubungan dengan itu, defisit keseluruhan Kerajaan Persekutuan dianggarkan pada 4.9% daripada KNK berbanding dengan 1.9% daripada KNK pada tahun 1998.

Pembiayaan bagi defisit ini sebahagian besarnya telah diperolehi daripada sumber-sumber dalam negeri yang tidak membawa kesan inflasi, terutamanya daripada dana seperti kumpulan-kumpulan wang pekerja, pencen dan insurans serta daripada mudah tunai yang mencukupi di dalam sistem perbankan. Dari segi pinjaman luar negeri, Kerajaan akan berterusan memastikan ianya berhemat agar dapat mengekalkan hutang luar negeri pada paras yang rendah.

Jadual 5.1

Kedudukan Kewangan Sektor Awam Disatukan (RM juta)

	1998 ¹	1999 ²	2000 ³
Akaun semasa:			
Sektor kerajaan:			
Hasil	69,369	68,600	72,489
Perbelanjaan mengurus	50,250	56,076	60,639
Baki akaun semasa	19,119	12,524	11,850
Lebihan semasa PABK ⁴	22,511	19,624	21,731
Lebihan semasa sektor awam	41,630	32,148	33,581
Akaun pembangunan:			
Perbelanjaan pembangunan	44,310	48,580	48,368
Sektor kerajaan	17,132	25,204	25,604
PABK	27,178	23,376	22,764
Baki keseluruhan	(2,680)	(16,432)	(14,787)
% kepada KNK	-1.0	-5.8	-5.0

¹ anggaran sebenar

² anggaran disemak

³ Anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2000

⁴ tidak termasuk pemberian daripada Kerajaan Persekutuan

Akaun hasil yang disatukan bagi sektor kerajaan (merangkumi Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, kerajaan tempatan dan badan-badan berkanun) pada tahun 1999 dianggarkan berkurangan 1.1% kepada RM68,600 juta (1998:

RM69,369 juta) berikutan sebahagian besar daripada sektor kerajaan dijangka mencatatkan penurunan dalam kutipan hasil. Walau bagaimanapun, perbelanjaan mengurus yang disatukan bagi sektor kerajaan dijangka mencatatkan peningkatan sebanyak 11.6% kepada RM56,076 juta (1998: RM50,250 juta) kerana peningkatan bayaran khidmat hutang berikutan daripada pinjaman yang besar dibuat pada tahun 1998 dan 1999. Oleh itu, akaun semasa sektor kerajaan mencatatkan lebihan yang kecil sebanyak RM12,524 juta (1998: RM19,119 juta). Sebaliknya, lebihan akaun semasa bagi Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) dijangka terus kukuh berjumlah RM19,624 juta disebabkan oleh pertambahan jumlah kutipan hasil berbanding dengan perbelanjaan mengurus mereka. Walau bagaimanapun, akaun semasa yang disatukan bagi sektor kerajaan pada tahun 1999 dijangka mencatatkan lebihan yang kecil sebanyak RM32,148 juta atau 11.5% daripada KNK (1998: RM41,630 juta atau 15.5% daripada KNK).

Jumlah perbelanjaan pembangunan oleh sektor awam dianggarkan meningkat 9.6% kepada RM48,580 juta pada tahun 1999 (1998: RM44,310 juta). Perbelanjaan pembangunan bagi PABK berkurangan 14% kepada RM23,376 juta (1998: RM27,178 juta) memandangkan PABK-PABK yang utama terus mengukuhkan kedudukan kewangan mereka. Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan ketara di dalam perbelanjaan sektor kerajaan, khususnya Kerajaan Persekutuan yang bertujuan menyokong pelan pemulihan ekonomi. Justeru itu, kedudukan kewangan sektor awam pada tahun 1999 dijangka mencatatkan defisit yang besar sebanyak RM16,432 juta atau 5.8% daripada KNK (1998: defisit sebanyak RM2,680 juta atau 1% daripada KNK).

Kerajaan Persekutuan

Pada tahun 1999, Kerajaan Persekutuan dijangka mencatatkan defisit yang besar berikutan program pengembangan bagi menyokong pemulihan ekonomi. Jumlah keseluruhan kutipan hasil dianggarkan stabil pada tahap RM56,690 juta, manakala perbelanjaan mengurus dijangka meningkat 9.7% kepada RM48,927 juta atau 4% lebih tinggi daripada anggaran Belanjawan iaitu sebanyak RM47,042 juta. Peningkatan perbelanjaan mengurus **terutamanya** berpunca


Jadual 5.2

Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan 1998-2000 (RM juta)

	1998	1999 ¹	2000 ²
Hasil	56,710	56,690	59,897
Perbelanjaan mengurus	44,585	48,927	52,351
Baki semasa	12,125	7,763	7,546
Perbelanjaan pembangunan kasar	18,103	26,009	24,674
Tolak:			
Terimaan balik pinjaman	975	1,000	1,000
Perbelanjaan pembangunan bersih	17,128	21,508	20,515
Baki keseluruhan	(5,003)	(13,745)	(12,969)
% KNK	- 1.9	- 4.9	- 4.4

¹ anggaran disemak.
² anggaran Belanjawan.

Carta 5.1
Kewangan Kerajaan Persekutuan - Akaun Semasa




daripada peningkatan bayaran khidmat hutang berikutan pinjaman besar pada tahun 1998 dan 1999, serta kenaikan dalam perbelanjaan emolumen. Justeru itu, akaun semasa dianggarkan mencatatkan lebihan yang kecil sebanyak RM7,763 juta atau 2.8% daripada KNK (1998: RM12,125 juta atau 4.5% daripada KNK).

Perbelanjaan pembangunan kasar pada tahun 1999 telah disemak semula dan ditambah 44.1% lagi kepada RM26,009 juta daripada RM18,053 juta yang dianggar semasa Belanjawan 1999. Jumlah terbaru ini adalah 43.7% lebih tinggi daripada perbelanjaan 1998. Perbelanjaan 1999 ini adalah sebagai rangsangan fiskal bagi menyokong pemulihan ekonomi. Setelah mengambil kira anggaran terimaan balik pinjaman sebanyak RM1,000 juta, kedudukan keseluruhan kewangan Kerajaan Persekutuan dianggarkan mencatatkan defisit sebanyak RM13,745 juta atau 4.9% daripada KNK, lebih tinggi daripada defisit sebanyak RM5,003 juta (1.9% daripada KNK) yang dicatatkan pada tahun 1998.

Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk mempercepatkan pelaksanaan projek-projek pembangunan. Prosedur-prosedur baru telah diperkenalkan bagi mengurangkan kareh

Carta 5.2
Peratusan Defisit/Lebihan Keseluruhan Kepada Keluaran Negara Kasar



Jadual 5.3

Hasil Kerajaan Persekutuan
1998-2000

	1998 ¹		1999 ²		2000 ³	
	RM Juta	% Perubahan	RM Juta	% Perubahan	RM Juta	% Perubahan
Jumlah hasil	56,710	-13.7	56,690	-0.04	59,897	5.7
Jumlah hasil cukai	45,336	-15.5	44,391	-2.1	47,580	7.2
Cukai langsung	30,016	-1.4	26,910	-10.3	29,096	8.1
Cukai tidak langsung	15,320	-34.0	17,481	14.1	18,483	5.7
Jumlah hasil bukan cukai	11,374	-6.0	12,299	8.1	12,318	0.2

¹ anggaran sebenar

² anggaran disemak

³ anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2000

birokrasi agar peruntukan yang disediakan di dalam Belanjawan digunakan sebagaimana dirancang. Pada akhir bulan September, perbelanjaan mengurus berjumlah RM31,414 juta atau 64.2% daripada jumlah peruntukan, manakala perbelanjaan pembangunan RM14,065 juta atau 61% daripada jumlah peruntukan yang telah diluluskan. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk memastikan kurangan perbelanjaan dapat diminimumkan supaya ekonomi mengalami impak sepenuhnya daripada rangsangan fiskal.

Hasil

Sebagaimana dijangkakan, kesan keseluruhan krisis kewangan ke atas kutipan hasil mulai dirasai pada tahun 1999. Walau bagaimanapun, berasaskan kepada prestasi dalam tempoh sembilan bulan pertama, kesannya tidak seburuk yang dijangkakan sebelum ini. Hasil Kerajaan Persekutuan dijangka kekal pada tahap yang sama seperti tahun 1999 iaitu RM56,690 juta (1998: RM56,710 juta) Walau bagaimanapun, jumlah hasil

tersebut meningkat 20.1% daripada **anggaran Belanjawan 1999** sebanyak RM47,205 juta. Prestasi hasil yang lebih baik ini berpunca daripada peningkatan kutipan cukai langsung yang hanya menurun 10.3% berbanding jangkaan kemerosotan 36.3% semasa anggaran Belanjawan 1999. Semua komponen bagi cukai pendapatan dijangka berkurangan terutamanya cukai pendapatan petroleum (-20.2%), cukai pendapatan syarikat (-9.7%) dan cukai pendapatan individu (-8.8%). Sebaliknya, kutipan duti setem dijangkakan meningkat 14.5%, selaras dengan pemulihan yang sederhana di pasaran saham serta peningkatan keyakinan terhadap bidang hartanah berikutan kempen Kerajaan bagi menggalakkan pemilikan rumah.

Hasil **cukai tidak langsung** dijangka meningkat 14.1% kepada RM17,481 juta berikutan pertambahan duti import, duti eksais dan cukai jualan yang secara kumpulan dianggarkan meningkat 18.3% kepada RM13,363 juta. Peningkatan ini adalah lanjutan daripada kenaikan permintaan dalam negeri setelah ekonomi kian pulih.

Jadual 5.4

Cukai Langsung Kerajaan Persekutuan


	1998 ¹		1999 ²		2000 ³	
	RM Juta	% Perubahan	RM Juta	% Perubahan	RM Juta	% Perubahan
Cukai Pendapatan	28,369	4.6	25,260	-11.0	27,231	7.8
Syarikat	17,294	3.6	15,615	-9.7	16,383	4.9
Individu	6,900	7.3	6,294	-8.8	6,994	11.1
Petroleum	4,046	4.8	3,228	-20.2	3,724	15.4
Koperasi	129	-9.8	123	-4.7	130	5.7
Lain-lain	1,647	-50.2	1,650	0.2	1,865	13.0
Duti setem	1,190	-56.1	1,362	14.5	1,440	5.7
Lain-lain	457	-23.4	288	-37.0	425	-47.7
JUMLAH	30,016	-1.4	26,910	-10.3	29,096	8.1

¹ anggaran sebenar

² anggaran disemak

³ anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2000

Carta 5.3
Komponen Utama Hasil Kerajaan Persekutuan



Selaras dengan prospek pemulihan ekonomi, penerimaan daripada cukai perkhidmatan dianggarkan meningkat sedikit iaitu 1% kepada RM1,462 juta. Walau bagaimanapun, kutipan duti eksport dijangka berkurangan 4% kepada RM598 juta berikutan harga petroleum mentah yang rendah pada awal tahun serta penurunan pengeluaran minyak mentah.

Hasil bukan cukai, meliputi terimaan pendapatan pelaburan, lesen dan permit, royalti petroleum serta cukai jalan yang dianggarkan meningkat secara sederhana sebanyak 8.1% kepada RM12,299 juta berbanding dengan RM11,374 juta pada tahun 1998. Dividen PETRONAS terutamanya merangkumi 33.3% daripada keseluruhan jumlah hasil bukan cukai yang dianggarkan meningkat 32.3% kepada RM4,100 juta. Dividen dan faedah termasuk dividen daripada BNM juga dijangka meningkat, iaitu sebanyak 32.5% pada RM2,362 juta. Sebaliknya, kutipan daripada lesen dan permit dianggarkan mengalami kemerosotan 17.2% dengan cukai jalan meningkat 1.6%.

Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus bagi Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat 9.7% kepada RM48,927 juta pada tahun 1999 atau 4% iaitu

Jadual 5.5
Cukai Tidak Langsung Kerajaan Persekutuan
1998-2000

	1998 ¹		1999 ²		2000 ³	
	RM Juta	% Perubahan	RM Juta	% Perubahan	RM Juta	% Perubahan
Duti eksport	623	-40.8	598	-4.0	623	4.2
Duti import	3,868	-40.7	4,578	18.4	4,653	1.6
Duti eksais	3,586	-40.7	4,500	25.5	4,754	5.6
Cukai jualan	3,845	-37.6	4,285	11.4	4,622	7.9
Cukai perkhidmatan	1,447	-1.9	1,462	1.0	1,656	13.3
Lain-lain	1,951	1.5	2,058	5.5	2,175	5.7
JUMLAH	15,320	-33.9	17,481	14.1	18,484	5.7

¹ anggaran sebenar


² anggaran disemak

³ anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2000

lebih tinggi daripada anggaran Belanjawan 1999 sebanyak RM47,042 juta terutamanya disebabkan oleh peningkatan bayaran khidmat hutang dan kenaikan bayaran emolumen serta pencen dan ganjaran.

Perbelanjaan bagi **emolumen** yang merangkumi 29.2% daripada jumlah perbelanjaan mengurus dijangka meningkat sebanyak 2.2% kepada RM14,296 juta (1998: RM13,984 juta). Peningkatan ini berpunca terutamanya daripada peruntukan tambahan berjumlah RM325 juta bagi bayaran khas kepada kakitangan Kerajaan yang layak sebanyak RM600 setiap seorang. **Bayaran khidmat hutang** kekal mencatatkan komponen kedua terbesar merangkumi 18.5% dan dijangka meningkat 30.4% kepada RM9,033 juta berikutan pinjaman besar oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 1998 dan 1999 untuk membiayai defisitnya. Daripada jumlah ini, 90.9% atau RM8,213 juta adalah untuk bayaran khidmat hutang dalam negeri, manakala 9.1% atau RM820 juta bagi bayaran khidmat hutang luar negeri.

Carta 5.4
Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan





Jadual 5.6

Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan Mengikut Objek (RM juta)

	1999 Anggaran Disemak	% Sumbangan	2000 Peruntukan Belanjawan	% Sumbangan
Emolumen	14,296	29.2	14,608	27.9
Bayaran khidmat hutang	9,033	18.5	9,630	18.4
Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri	1,737	3.6	1,812	3.5
Pencen dan ganjaran	4,069	8.3	4,104	7.8
Bekalan dan perkhidmatan	6,290	12.8	7,564	14.5
Subsidi	1,011	2.1	1,171	2.2
Pemberian kepada badan-badan berkanun ¹	3,632	7.4	4,109	7.9
Tuntutan bayaran balik	1,718	3.5	2,125	4.1
Lain-lain	7,141	14.6	7,228	15.3
JUMLAH	48,927	100.0	52,351	100.0

¹ Termasuk emolumen



^{1/} Tidak termasuk emolumen sebilangan besar badan berkanun

Perbelanjaan bagi **bekalan dan perkhidmatan** dijangka meningkat 20.7% kepada RM6,290 juta berikutan kenaikan dalam penyenggaraan dan perkhidmatan iktisas. Manakala perbelanjaan bagi geran dijangka berkurangan 2.2% kepada RM6,033 juta, terutamanya meliputi geran kepada kerajaan negeri, sekolah-sekolah dan badan-badan berkanun. Begitu juga dengan perbelanjaan bagi subsidi dijangka berkurangan 12% kepada RM1,011 juta yang sebahagiannya untuk subsidi pembelian getah, minyak kelapa sawit dan petroleum. Bayaran bagi pencen dan ganjaran meningkat sebanyak 11.2% kepada RM4,069 juta selaras dengan pertambahan bayaran untuk pesara kakitangan Kerajaan.

Dari segi klasifikasi mengikut sektor, perbelanjaan bagi **sektor perkhidmatan sosial**, meliputi 33.6% daripada jumlah perbelanjaan mengurus, merupakan komponen terbesar

perbelanjaan (RM16,446 juta) dan mencerminkan penekanan berterusan oleh Kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan sosial kepada rakyat khususnya golongan yang berpendapatan rendah. Perbelanjaan untuk pendidikan dan kesihatan kekal sebagai salah satu sektor kecil yang utama dengan mencatatkan peningkatan 6.9% kepada RM11,251 juta bagi pendidikan dan 8.9% kepada RM3,627 juta bagi kesihatan. Secara kumpulan, perbelanjaan bagi sektor kecil pendidikan dan kesihatan berjumlah 30.4% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus yang mana sebahagian besar adalah untuk emolumen dan penyelenggaraan sekolah serta hospital.

Perbelanjaan bagi **sektor ekonomi** dijangka meningkat dengan ketara 20.7% kepada RM4,931 juta. Perbelanjaan sektor kecil perdagangan dan perindustrian dijangka meningkat dengan ketara iaitu 66.1% kepada RM2,124 juta. Manakala sektor kecil pengangkutan dijangka meningkat 19.9% kepada RM1,247 juta. Secara kumpulan, sektor kecil perdagangan dan perindustrian serta sektor kecil pengangkutan mencatatkan 68.4% daripada jumlah perbelanjaan untuk sektor perkhidmatan ekonomi.

Perbelanjaan untuk **pentadbiran am**, meliputi 11.2% daripada jumlah perbelanjaan mengurus dijangka berkurangan 2.7% kepada RM5,467 juta perbelanjaan ini terutamanya adalah untuk perbelanjaan perkhidmatan jabatan dan perkhidmatan luar negeri serta bayaran balik dan bayaran ganti. Perbelanjaan lain juga terutamanya

Jadual 5.7

Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan Mengikut Sektor (RM juta)



	1999	%	2000	%
	Anggaran Disemak	Sumbangan	Peruntukan Belanjawan	Sumbangan
Keselamatan	6,009	12.3	6,587	12.6
Pertahanan	3,602	7.4	3,920	7.5
Keselamatan dalam negeri	2,406	4.9	2,667	5.1
Perkhidmatan sosial	16,446	33.6	17,774	34.0
Pendidikan	11,251	23.0	11,937	22.8
Kesihatan	3,627	7.4	4,040	7.7
Perumahan	87	0.2	113	0.2
Lain-lain	1,481	3.0	1,684	3.2
Perkhidmatan ekonomi	4,931	10.0	4,266	8.1
Pertanian	1,238	2.5	1,243	2.4
Kemudahan awam	193	0.4	35	0.1
Perdagangan dan perindustrian	2,124	4.3	1,665	3.2
Pengangkutan	1,247	2.5	1,257	2.4
Perhubungan	98	0.2	34	0.1
Lain-lain	31	0.1	32	0.1
Pentadbiran am	5,467	11.2	6,240	11.9
Lain-lain	16,075	32.9	17,484	33.4
JUMLAH	48,927	100.0	52,351	100.0

Jadual 5.8

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan bagi Perkhidmatan Ekonomi (RM juta)

	1999	%	2000	%
	Anggaran Disemak	Sumbangan	Peruntukan Belanjawan	Sumbangan
Pertanian dan pembangunan luar bandar	1,260	9.9	1,258	11.6
Kemudahan awam	2,833	22.3	1,013	9.3
Perdagangan dan perindustrian	3,473	27.3	3,762	34.6
Pengangkutan	5,079	39.9	4,643	42.7
Perhubungan	18	0.1	21	0.2
Lain-lain	61	0.5	178	1.6
JUMLAH	12,724	100.0	10,875	100.0

Carta 5.5
Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan
Mengikut Sektor



- Perkhidmatan ekonomi
- Perkhidmatan sosial
- Keselamatan
- Pentadbiran am

geran dan pinjaman kepada kerajaan negeri, dana sumbangan kepada badan-badan berkanun, pencen dan ganjaran serta bayaran khidmat hutang. dijangka meningkat 15.5% kepada RM16,075 juta.

Perbelanjaan mengurus bagi **keselamatan** dijangka meningkat 1.9% kepada RM6,009 juta, terutamanya bagi perkhidmatan dan bekalan serta emolumen untuk kakitangan keselamatan.

Perbelanjaan Pembangunan

Perbelanjaan pembangunan merupakan teras pakej rangsangan fiskal Kerajaan pada tahun 1999. Peruntukan bagi perbelanjaan pembangunan meningkat dengan ketara sebanyak 38.1% kepada RM25,009 juta berbanding perbelanjaan tahun 1998 dan 38.5% lebih tinggi daripada anggaran Belanjawan sebanyak RM18,053 juta. Peningkatan terbesar adalah untuk sektor ekonomi berjumlah RM12,724 juta atau 37.7% daripada peningkatan dalam perbelanjaan pembangunan.

Perbelanjaan bagi **sektor perkhidmatan ekonomi** dianggarkan meningkat kepada RM12,724 juta (1998: RM9,243 juta) merangkumi 50.8% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan. Sebahagian besar perbelanjaan diperuntukkan kepada pengangkutan khususnya untuk pembinaan jalan raya dan jambatan serta projek rel aliran ringan. Perbelanjaan bagi kemudahan awam kekal besar, meningkat 43.9% terutamanya untuk meningkatkan bekalan elektrik

Jadual 5.9

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan bagi Program Perdagangan dan Perindustrian (RM juta)

	1999		2000	
	Anggaran Disemak	% Sumbangan	Peruntukan Belanjawan	% Sumbangan
Pembangunan perindustrian	2,657	76.5	2,321	61.7
Pelancongan	102	2.9	237	6.3
Penyelidikan perindustrian	695	20.0	1,174	31.2
Lain-lain	19	0.6	30	0.8
JUMLAH	3,473	100.0	3,762	100.0

Jadual 5.10

**Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan
Persekutuan bagi Pertanian dan
Pembangunan Luar Bandar
(RM juta)**

	1999		2000	
	Anggaran Disemak	% Sumbangan	Peruntukan Belanjawan	% Sumbangan
Pertanian	236	18.7	327	26.0
Pembangunan tanah	93	7.4	144	11.4
Pengairan dan saliran	374	29.7	469	37.3
Tanaman semula	257	20.4	1	0.1
Perikanan	97	7.7	109	8.7
Ternakan	42	3.3	49	3.9
Perhutanan	31	2.5	44	3.5
Lain-lain	130	10.3	115	9.1
JUMLAH	1,260	100.0	1,258	100.0

Jadual 5.11

**Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan
Persekutuan bagi Perkhidmatan Sosial
(RM juta)**

	1999		2000	
	Anggaran Disemak	% Sumbangan	Peruntukan Belanjawan	% Sumbangan
Pendidikan	3,996	57.2	3,695	51.0
Kesihatan	900	12.9	908	12.5
Perumahan	1,144	16.4	1,145	15.8
Lain-lain	948	13.5	1,504	20.7
JUMLAH	6,988	100.0	7,252	100.0

dan air di kawasan luar bandar. Di samping itu, perbelanjaan sektor kecil perdagangan dan perindustrian dijangka meningkat 7.6% kepada RM3,473 juta (1998: RM3,227 juta).

Perbelanjaan bagi **pertanian dan pembangunan luar bandar** dianggarkan bertambah 31.3% kepada RM1,260 juta untuk meningkatkan pengeluaran makanan serta memperbaiki taraf hidup di kawasan luar bandar. D daripada jumlah ini, perbelanjaan pembangunan tanah dan saliran dan perparitan diperuntukkan sebanyak 37.1% atau RM467 juta. Perbelanjaan lain, terutamanya bagi program pembangunan pertanian bersepadu adalah berjumlah RM236 juta atau 18.7% daripada jumlah perbelanjaan.

Perbelanjaan bagi **sektor perkhidmatan sosial** dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 20.8% kepada RM6,988 juta berbanding dengan RM5,783 juta pada tahun 1998 yang sebahagian besarnya adalah untuk pendidikan dan latihan berjumlah RM3,996 juta. Peruntukan yang besar ini disediakan bagi pembinaan dan menaik taraf **sekolah-sekolah rendah, menengah serta vokasional dan politeknik serta universiti-universiti**. Perbelanjaan bagi perumahan dijangka meningkat 11.1% kepada RM1,144 juta, terutamanya bagi projek perumahan yang sedia ada untuk anggota angkatan tentera, kakitangan Polis DiRaja Malaysia, guru-guru dan anggota kastam dan eksais. Bagi menyediakan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik, perbelanjaan sektor kecil kesihatan dijangka meningkat 25.7% kepada RM900 juta untuk membina hospital dan meningkatkan perkhidmatan kesihatan.

Perbelanjaan bagi **pertahanan dan keselamatan dalam negeri** dianggarkan meningkat kepada RM3,578 juta (1998: RM1,380 juta), sebahagian besarnya adalah untuk program permodenan angkatan tentera dan Jabatan Polis DiRaja Malaysia. D daripada jumlah ini, perbelanjaan bagi sektor kecil pertahanan merangkumi RM3,326 juta (1998: RM1,017 juta). Perbelanjaan untuk keselamatan dalam negeri khususnya Polis DiRaja Malaysia dijangka berjumlah RM252 juta, yang mana sebahagian besarnya bagi pembelian peralatan untuk meningkatkan perkhidmatan serta pembinaan balai-balai polis baru.

Begitu juga dengan perbelanjaan bagi **pentadbiran am**, ianya dijangka meningkat kepada RM1,719 juta berbanding dengan RM1,698 juta

pada tahun 1998, terutamanya bagi program pengkomputeran pentadbiran Kerajaan serta perbelanjaan untuk pematuhan Y2K di sektor awam.


Pembiayaan

Secara keseluruhan, keperluan pembiayaan Kerajaan Persekutuan dijangka lebih tinggi pada tahun 1999. Oleh itu, Kerajaan akan memastikan sebahagian besar keperluan pembiayaan diperolehi dari sumber yang tidak membawa kesan inflasi dan tanpa menyisihkan sektor swasta. Defisit Kerajaan Persekutuan sebanyak RM12,480 juta pada tahun 1999 akan dibiayai dari baki tunai terkumpul berjumlah RM7,396 juta serta dari pinjaman dalam negeri dan luar negeri. Bagi memastikan pengurusan hutang yang berhemat, hanya 30% daripada keperluan pembiayaan akan diperolehi dari sumber luar negeri manakala baki 70% akan diperolehi dari sumber dalam negeri yang tidak membawa kesan inflasi. Pada masa ini terdapat mudah tunai yang mencukupi di dalam sistem perbankan untuk menampung keperluan

pembiayaan Kerajaan. Seterusnya, pinjaman dalam negeri dapat menggalakkan serta mengukuhkan pembangunan pasaran bon dalam negeri. Lebih penting lagi, pinjaman dalam negeri mengawal pendedahan luaran Kerajaan Persekutuan.

Kerajaan dijangka dapat mengumpul sebanyak RM18,099 juta dari sumber dalam negeri, terutamanya melalui penerbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM). Sehingga Oktober 1999, sebanyak RM12,099 juta telah diperolehi, yang mana sebanyak RM8 bilion daripada terbitan SKM, RM2 bilion dari Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK) dan RM2,099 juta dari pinjaman pasaran bersindikit dari bank asing yang beroperasi di Malaysia. Baki sebanyak RM6 bilion akan diperolehi melalui penerbitan tambahan SKM sebelum penghujung tahun ini. Dari jumlah ini, RM4 bilion akan diperolehi secara penempatan khas swasta kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Selepas mengambil kira bayaran balik pinjaman sebanyak RM8,676 juta, pinjaman bersih dalam negeri pada tahun 1999 adalah sebanyak RM9,423 juta.

Bagi pinjaman luar negeri, Kerajaan Persekutuan dijangka memperolehi sebanyak RM804 juta dari pengeluaran pinjaman projek baru dan sedia ada dari Bank Dunia. Selain daripada pinjaman agensi pelbagai hala, Kerajaan juga akan menerima RM292 juta dari agensi dua hala iaitu dari Tabung Kerjasama Ekonomi Serantau (OECF) yang dijamin oleh Bank JEXIM, Jepun. Kerajaan juga berjaya memperolehi RM3,750 juta dari pengeluaran Global Bond pada bulan Julai 1999. Seterusnya, di bawah Rancangan Miyazawa, Kerajaan telah memperolehi RM323 juta pinjaman bersindikit dari CitiBank (Tokyo). Oleh itu, pinjaman Kerajaan Persekutuan pada tahun 1999 akan berjumlah sebanyak RM5,169 juta. Setelah mengambil kira bayaran balik pinjaman sebanyak RM2,009 juta, pinjaman luar bersih Kerajaan Persekutuan pada tahun 1999 dianggarkan sebanyak RM3,160 juta.



Kerajaan Negeri

Kedudukan kewangan disatukan bagi 13 kerajaan negeri dijangka mencatat defisit yang besar pada tahun 1999. Kutipan hasil yang disatukan dianggarkan berkurangan 4.2% kepada RM8,228 juta (1988: RM8,591 juta) kerana kutipan hasil cukai yang rendah. Jumlah perbelanjaan mengurus dianggarkan berkurangan 3.5% kepada

Jadual 5.12

Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Disatukan (RM juta)

	1998 ¹	% Perubahan	1999 ²	% Perubahan
Akaun Semasa				
Hasil	8,591	-13.8	8,228	-4.2
Perbelanjaan mengurus	4,617	-2.1	4,456	-3.5
Akaun Pembangunan				
Perbelanjaan pembangunan kasar	4,794	-3.6	4,400	-8.2
Kumpulan Wang Pembangunan	4,025	-8.1	3,756	-6.7
Kumpulan Wang Bekalan Air	769	29.9	644	-16.3
Terimaan balik pinjaman	473	-11.3	215	-54.5
Perbelanjaan pembangunan bersih	4,321	-2.7	4,185	-3.1
Baki Keseluruhan	-347		-413	

¹ Anggaran sebenar.

² Anggaran.

RM4,456 juta (1998: RM4,617 juta). Oleh itu, akaun semasa dianggarkan mencatatkan lebih sebanyak RM3,732 juta berbanding dengan RM3,974 juta pada tahun 1998. Perbelanjaan pembangunan kasar kerajaan negeri juga dijangka merosot sebanyak 8.2% pada tahun 1999 kepada RM4,400 juta berikutan dari prestasi hasil yang masih lemah. Sejalan dengan itu kedudukan kewangan Kerajaan negeri disatukan akan mencatatkan defisit sebanyak RM413 juta atau 0.2% dari KNK (1998:-RM347 juta atau 0.1% dari KNK).

Jumlah hasil kerajaan negeri disatukan dianggarkan berkurangan 4.2% kepada RM8,228 juta (1998: RM8,591 juta). Hasil kerajaan negeri daripada sumber sendiri, merangkumi 78% daripada jumlah hasil kerajaan negeri, dianggarkan merosot 6.2% kepada RM6,421 juta berbanding dengan RM6,838 juta pada tahun 1998. Kemerosotan ini adalah terutamanya disebabkan kutipan yang rendah bagi hasil bukan cukai yang terdiri daripada lesen, permit, royalti, bayaran

perkhidmatan, jualan barang-barang, sewaan atas harta Kerajaan, pulangan atas pelaburan serta denda dan hukuman. Walaupun kutipan hasil bukan cukai dianggarkan berkurangan 9.3% kepada RM4,525 juta berbanding dengan RM4,989 juta pada tahun 1998, sumbangannya tetap ketara pada 70.5% daripada jumlah hasil kerajaan negeri sumber sendiri.

Di dalam kategori hasil bukan cukai, kutipan dari **industri berasaskan sumber**, terutamanya royalti dari petroleum dan perhutanan (tidak termasuk cukai perhutanan dan perlombongan), kekal sebagai penyumbang utama kepada hasil kerajaan negeri daripada sumber sendiri dan ia meliputi 30.8% dari jumlah hasil daripada sumber sendiri yang berjumlah RM1,979 juta. Daripada jumlah ini, hasil perhutanan yang merangkumi 17.2% dianggarkan meningkat 2.1% kepada RM1,103 juta berbanding dengan RM1,080 juta pada tahun 1998 dengan Sarawak dianggarkan mengutip sebanyak RM770 juta dan Sabah RM191 juta. Sebaliknya, hasil dari royalti petroleum yang merangkumi sebanyak 15.2% dari jumlah hasil sumber sendiri dianggarkan merosot 11.2% kepada RM979 juta berbanding dengan RM1,102 juta pada tahun 1998 dengan Terengganu dianggarkan menerima RM520 juta, Sarawak RM359 juta dan Sabah RM100 juta. Kutipan royalti petroleum yang rendah ini adalah berpunca dari penurunan harga petroleum mentah pada enam bulan pertama serta penurunan pengeluaran petroleum mentah. Hasil **berasaskan bukan sumber** (terdiri daripada jualan barang-barang dan perkhidmatan, faedah daripada pelaburan, lesen dan permit, denda dan hukuman serta sewaan) dianggarkan merosot 12.7% kepada RM2,509 juta (1998: RM2,874 juta) iaitu merangkumi 39.1% dari jumlah hasil kerajaan negeri sumber sendiri.

Sebaliknya pula, jumlah kutipan hasil cukai (terdiri daripada cukai langsung dan cukai tidak langsung) yang merangkumi 24.5% dari jumlah hasil kerajaan negeri sumber sendiri dianggarkan meningkat 8.8% kepada RM1,572 juta. Cukai langsung (terdiri daripada cukai ke atas tanah, perlombongan, parit dan saliran dan perhutanan) dianggarkan meningkat 11.8% kepada RM1,005 juta dan cukai tidak langsung (terdiri daripada cukai hiburan dan lain-lain) dianggarkan meningkat 3.8% kepada RM567 juta.

Sumber-sumber lain hasil kerajaan negeri adalah dalam bentuk terimaan bukan hasil terutamanya

Jadual 5.13**Kedudukan Kewangan PABK Disatukan¹
1999-2000
(RM juta)**

	1998	% Perubahan	1999	% Perubahan
Hasil ²	82,518	18.2	68,412	-17.0
Perbelanjaan semasa	56,739	28.7	46,750	-20.4
Pendapatan tertangguh	23,779		21,662	
% KNK	8.8		7.7	
Perbelanjaan pembangunan	27,178	28.5	23,375	-14.0
Baki keseluruhan	-3,399		-1,713	
% KNK	-1.3		-0.6	

¹ Merujuk kepada 28 PABK daripada 56 PABK yang asal. Sejumlah 28 PABK telah dijual kepada sektor swasta.

² Termasuk pemberian daripada Kerajaan Persekutuan.

geran dan bayaran ganti daripada Kerajaan Persekutuan, dianggarkan meningkat 3.1% kepada RM1,807 juta (1998: RM1,753 juta). Dari jumlah ini, **geran Kerajaan Persekutuan (merangkumi geran perlembagaan dan pentadbiran)** kepada kerajaan negeri berjumlah RM1,737 juta, manakala **bayaran ganti Kerajaan Persekutuan (terutamanya untuk parit dan saliran serta projek pertanian)** berjumlah RM70 juta. Geran perlembagaan iaitu termasuk geran penyelenggaraan jalan raya, geran mengikut bilangan penduduk dan geran pertambahan hasil dianggarkan meningkat 3% kepada RM1,122 juta.

Jumlah perbelanjaan mengurus kerajaan negeri dijangka merosot 3.5% kepada RM4,456 juta pada tahun 1999. Perbelanjaan emolumen yang meliputi 36.9% daripada jumlah perbelanjaan mengurus dianggarkan meningkat dengan ketara sebanyak 10.3% kepada RM1,645 juta (1998: RM1,492 juta). Perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan kekal sebagai perbelanjaan kedua terbesar dari jumlah perbelanjaan mengurus iaitu merangkumi 34.9% atau RM1,556 juta. Pembelian harta modal dianggarkan merosot 18.9% kepada RM398 juta disebabkan beberapa projek kerajaan negeri telah ditangguhkan. **Perbelanjaan pembangunan kasar** kerajaan negeri pada tahun 1999 dianggarkan berkurangan 8.2% kepada

RM4,400 berbanding dengan RM4,794 juta pada tahun 1998 disebabkan oleh prestasi hasil yang merosot. Perbelanjaan bagi bekalan air juga berkurangan kepada RM644 juta namun begitu kerajaan negeri masih meningkatkan serta memperbaiki mutu perkhidmatan bekalan air. Selain daripada itu, dijangkakan perbelanjaan bagi pertanian dan pembangunan luar bandar berkurangan 3.9% kepada RM823 juta, perdagangan dan industri berkurangan 7.3% kepada RM624 juta serta perbelanjaan pengangkutan berkurangan 12.2% kepada RM383 juta. Perbelanjaan bagi program perumahan awam kekal meningkat pada RM432 juta (1998: RM237 juta), menggambarkan komitmen kerajaan negeri menyediakan rumah yang mampu dimiliki oleh golongan miskin.

Perusahaan Awam Bukan Kewangan

Prestasi keseluruhan bagi 28 Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) dijangka kekal sederhana dengan **jumlah hasil** dianggarkan berkurangan 17% kepada RM68,412 juta pada tahun 1999 (1998: RM82,518 juta). Prestasi hasil yang berkurangan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kemerosotan aktiviti-aktiviti ekonomi dan penurunan harga petroleum dan minyak kelapa sawit.

Sejajar dengan penurunan jumlah hasil, **perbelanjaan mengurus** dijangka berkurangan 20.4% kepada RM46,750 juta pada tahun 1999 (1998: RM58,739 juta), sebahagian besarnya disebabkan oleh langkah pemotongan perbelanjaan dan pengurangan bayaran yang ketara dalam bayaran khidmat hutang berikutan penurunan kadar faedah tempatan. Dengan kejatuhan harga petroleum mentah, perbelanjaan import oleh PETRONAS berkurangan dengan ketara dan dengan ini mengurangkan perbelanjaan operasinya.

Walaupun keadaan perdagangan merosot, **lebih mengurus** bagi PABK dijangka terus kekal pada tahap sederhana berjumlah RM21,662 juta pada tahun 1999 berbanding dengan RM23,779 juta pada tahun 1998, iaitu berkurangan 8.9%. Seperti pada tahun-tahun yang lalu, lebih mengurus sebahagian besarnya disumbangkan oleh PABK yang utama seperti PETRONAS, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia Berhad (Telekom).

Jadual 5.14**Hutang Negara**

	1998 ¹			1999 ²		
	RM Juta	% Perubahan	Sumbangan	RM Juta	% Perubahan	Sumbangan
Hutang jangka panjang dan sederhana	129,190	1.3	79.9	132,343	2.4	82.0
Sektor Awam	68,156	4.2	42.1	72,495	6.4	44.9
Kerajaan Persekutuan	14,924	15.2	9.2	18,084	21.2	11.2
PABK	53,232	1.5	32.9	54,411	2.2	33.7
Dijamin	9,531	35.2	5.9	10,378	8.9	6.4
Tidak dijamin	43,701	3.8	27.0	44,033	0.8	27.3
Sektor Swasta	61,034	-1.7	37.7	59,848	-1.9	37.1
Hutang jangka pendek	32,525	-24.8	20.2	28,991	-3.4	18.0
JUMLAH	161,715	-5.3	100.0	161,334	-0.2	100.0

¹ anggaran sebenar² anggaran

Perbelanjaan pembangunan bagi keseluruhan tahun 1999 dijangka berkurangan sebanyak 14% kepada RM23,375 juta berbanding dengan RM27,178 juta yang dicatatkan pada tahun 1998, disebabkan ketidaktentuan ekonomi dan penangguhan atau pengecilan skala bagi sesetengah projek. Bagaimanapun, beberapa perusahaan awam utama dijangka terus membuat pelaburan modal, khususnya bagi projek infrastruktur dan utiliti. PETRONAS akan terus membuat pelaburan dalam kedua-dua aktiviti hiliran dan hulu sama ada secara persendirian atau secara usahasama dengan syarikat-syarikat multinasional. Diantaranya seperti loji pemprosesan gas yang baru, projek pusat kemudahan utiliti, pengembangan dan kenaikan taraf Universiti Teknologi PETRONAS, serta usahasama dalam loji petrokimia. Perbelanjaan modal bagi TNB sebahagiannya adalah untuk pengembangan kapasiti serta peningkatan dan perluasan transmisi dan jaringan pengagihannya. Bagi Telekom, sejumlah perbelanjaan modal digunakan untuk pengembangan dan permodenan infrastruktur komunikasi, khususnya bagi memajukan jenis-

jenis perkhidmatan dan produk untuk Lebuhraya Maklumat Korporat serta Infrastruktur Maklumat Kebangsaan.

Kedudukan keseluruhan kewangan 28 PABK dianggarkan mencatatkan defisit sebanyak RM1,713 juta atau 0.6% dari KNK pada tahun 1999 (1998:-RM3,399 juta atau 1.3% dari KNK). Prestasi yang kurang menggalakkan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh penurunan dalam jumlah hasil, yang dijangka akan merosot sebanyak 17% pada tahun 1999. Jumlah defisit keseluruhan ini akan bertambah besar jika tiada langkah-langkah berhemat dalam membendung perbelanjaan mengurus, penurunan bayaran khidmat hutang disebabkan oleh penurunan kadar faedah serta langkah-langkah yang lebih berhati-hati dalam menjalankan perbelanjaan modal.

Hutang Negara

Hutang negara dijangka berkurangan 0.2% kepada RM161,334 juta (57.4% dari KNK) pada


Jadual 5.15:

Hutang Kerajaan Persekutuan

Profil hutang	1998	% Sumbangan	1999	% Sumbangan
Hutang dalam negeri	88,197	100.0	94,255	100.0
Bil Perbendaharaan	4,320	4.9	4,320	4.6
Sijil Pelaburan	2,000	2.3	2,000	2.1
Sekuriti Kerajaan	75,012	85.1	82,336	87.4
2 - 3 tahun	2,000		4,000	
4 - 5 tahun	6,500		8,500	
6 - 10 tahun	15,086		13,686	
11 - 15 tahun	14,785		13,900	
16 - 21 tahun	36,641		35,776	
Pinjaman lain ¹	6,865	7.7	5,599	5.9
Hutang luar negeri	14,924	100.0	18,084	100.0
Pinjaman pasaran	7,692	51.5	10,522	58.2
Pinjaman projek	7,232	48.5	7,562	41.8
Kredit pembekal	-	-	-	-
JUMLAH	103,121		112,339	

¹ Terutamanya pinjaman bersindikit dari bank asing yang beroperasi di Malaysia dan pinjaman yang dibuat oleh Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan.

Carta 5.7
Hutang Kerajaan Persekutuan




penghujung tahun 1999 (1998: RM161,715 juta atau 60.1% dari KNK). Oleh itu Malaysia akan kekal dalam kategori negara yang sederhana berhutang (tahap hutang diantara 48% hingga 80% dari KNK). Penurunan ini terutamanya disebabkan oleh bayaran balik pinjaman yang tinggi serta pinjaman yang rendah oleh sektor swasta pada tahun 1999. Sebanyak 82% daripada jumlah hutang negara atau RM132,343 juta (47.1% dari KNK) adalah hutang jangka panjang dan sederhana (1998: RM129,190 juta atau 40% dari KNK), manakala 18% atau RM28,991 juta merupakan hutang jangka pendek (1998: RM30,014 juta atau 11.2% dari KNK). Dari jumlah ini, hutang jangka panjang dan sederhana sektor awam meningkat 6.4% kepada RM72,495 juta. Sementara itu, hutang sektor swasta dijangka merosot 1.9% kepada RM59,848 juta berbanding dengan penghujung tahun 1998. Dari jumlah hutang sektor awam, 75% merangkumi hutang Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) manakala 25% terdiri daripada hutang Kerajaan Persekutuan. **Hutang jangka pendek** (tempoh matang kurang dari satu tahun) yang terdiri daripada pinjaman

oleh sektor perbankan dan syarikat swasta dijangka berkurangan 3.4% kepada RM28,991 juta (1998: RM32,525 juta).

Jumlah **pinjaman kasar luar negeri** pada tahun 1999 berjumlah RM19,804 juta terdiri terutamanya daripada pinjaman sektor awam. Pinjaman kasar dari sektor awam dijangka meningkat 29.8% kepada RM11,304 juta (1998: RM8,706 juta). Dari jumlah ini, pinjaman luar negeri PABK berjumlah RM6,135 juta. Selain daripada itu, walaupun pinjaman kasar sektor swasta dijangka berkurangan 14.9% tetapi hutangnya masih kekal besar iaitu berjumlah RM8,500 juta (1998: RM9,992 juta). Selepas mengambil kira bayaran balik pinjaman sebanyak RM15,644 juta, pinjaman bersih luar negeri berjumlah RM4,160 juta.

Khidmat hutang negara dianggarkan meningkat 2.9% kepada RM21,775 juta (1998: RM19,515 juta) disebabkan bayaran balik pinjaman pokok yang tinggi oleh sektor swasta dan PABK. Dari jumlah ini, sebanyak RM15,644 juta atau 71.8% adalah bayaran balik pinjaman pokok dan baki

Carta 5.8
Hutang Luar Negeri Kerajaan Persekutuan
Mengikut Sumber



RM6,131 juta atau 28.2% adalah bayaran faedah. Oleh itu, nisbah khidmat hutang negara (jumlah bayaran balik pokok dan faedah ke atas eksport barangan dan perkhidmatan) dianggarkan berkurangan kepada 6.2% berbanding dengan 6.6% pada tahun 1998. Penurunan nisbah khidmat hutang ini juga adalah berpunca dari prestasi eksport barangan dan perkhidmatan yang bertambah baik pada tahun 1999.


Hutang Kerajaan Persekutuan

Selaras dengan pinjaman Kerajaan Persekutuan yang tinggi pada tahun 1999, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat 8.9% kepada RM112,339 juta atau 40% dari KNK pada tahun 1999 (1998 : RM103,121 juta atau 38.3% dari KNK). Dari jumlah ini, hutang dalam negeri adalah sebanyak 83.9% (RM94,255 juta) dan selebihnya 16.1% (RM18,084 juta) adalah hutang luar negeri. Peningkatan yang besar hutang dalam negeri Kerajaan Persekutuan ini terutamanya


disebabkan penerbitan SKM yang besar iaitu (RM14,000 juta) untuk membiayai pakej rangsangan fiskal Kerajaan. Oleh yang demikian, SKM akan kekal sebagai komponen hutang dalam negeri yang utama iaitu 87.4% (RM82,330 juta) daripada jumlah hutang dalam negeri Kerajaan Persekutuan. Selebihnya, iaitu 12.6% (RM11,919 juta) adalah merupakan Bil Perbendaharaan, TPK dan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan Perbendaharaan serta pinjaman bersindikit.

Hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat 21.2% kepada RM18,084 juta atau 6.4% dari KNK (1998 : RM14,924 juta atau 5.5% dari KNK). Pinjaman pasaran adalah sebanyak 58.2% (RM10,522 juta) daripada jumlah hutang luar negeri dan baki sebanyak 41.8% (RM7,562 juta) adalah pinjaman projek. Peningkatan hutang luar negeri adalah disebabkan pinjaman kasar yang tinggi dibuat pada tahun 1999 iaitu sebanyak RM5,169 juta terutamanya melalui penerbitan Global Bond serta pinjaman dari agensi dua hala dan pelbagai hala.

Carta 5.9
Hutang Luar Negeri Kerajaan Persekutuan
Mengikut Mata Wang



Carta 5.10
Nisbah Khidmat Hutang Luar Negara



Mengikut pegangan matawang, sebahagian terbesar hutang luar negeri adalah dalam dolar AS dan merupakan 56% atau RM10,159 juta dari jumlah hutang luar negeri pada tahun 1999. Ini diikuti pegangan dalam matawang Yen, yang dijangka berjumlah 37% atau RM6,646 juta dalam nilai ringgit. Baki hutang luar negeri adalah dalam matawang yang lain seperti deutschemark dan pound sterling.

Jumlah **khidmat hutang negara** (bayaran faedah dan bayaran balik pokok) Kerajaan Persekutuan dianggarkan meningkat 22.8% kepada RM19,718 juta berbanding dengan RM16,058 juta pada tahun 1998. Dari jumlah ini, bayaran balik pokok bagi pinjaman dalam negeri berjumlah RM8,676 juta dan pinjaman luar negeri RM1,914 juta. Bayaran faedah akan berjumlah RM9,033 juta, iaitu RM8,213 juta bagi hutang dalam negeri dan selebihnya RM820 juta adalah bagi hutang luar negeri. Walaupun jumlah hutang luar negeri meningkat, nisbah khidmat hutang Kerajaan dianggarkan merosot dari 1.0% pada tahun 1998

kepada 0.9% pada tahun 1999 disebabkan perkembangan yang baik dalam eksport barangan dan perkhidmatan.

Tinjauan Tahun 2000

Tinjauan Keseluruhan

Dasar fiskal pada tahun 2000 akan ditumpukan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi dalam negeri. Bagi tujuan ini, Kerajaan akan berterusan melaksanakan program rangsangan. Walau bagaimanapun, perbelanjaan akan dikekalkan pada paras yang selaras dengan sumber-sumber yang ada bagi memastikan defisit adalah pada tahap yang mapan pada jangka masa sederhana dan panjang. Pada masa yang sama, pembiayaan defisit akan berteraskan kepada sumber-sumber pembiayaan yang tidak membawa kesan inflasi.

Kutipan hasil yang disatukan bagi sektor kerajaan dianggarkan meningkat 5.6% kepada RM72,489 juta (1999: RM68,600 juta) dengan sebahagian besar (81.9%) dijangka diperolehi menerusi kutipan hasil Kerajaan Persekutuan. Jumlah perbelanjaan mengurus sektor kerajaan dianggarkan meningkat 9.4% kepada RM60,639 juta (1999: RM56,076 juta) terutamanya disumbangkan oleh perbelanjaan Kerajaan Persekutuan dan badan-badan berkanun. Oleh itu, akaun semasa sektor kerajaan dianggarkan mencatat lebihan yang kecil sebanyak RM11,850 juta berbanding dengan RM12,524 juta pada tahun 1999. Lebihan semasa bagi PABK dianggarkan meningkat 10.7% kepada RM21,731 juta (1999: RM19,624 juta) berikutan daripada prospek kutipan hasil oleh PABK yang bertambah baik (dianggarkan meningkat 5.6%) terutamanya dari sektor eksport dan kemudahan awam. Justeru itu, kedudukan akaun semasa yang disatukan bagi sektor awam dianggarkan berjumlah RM33,581 juta atau 11.3% daripada KNK (1999: RM32,148 juta atau 11.4% daripada KNK). Walau bagaimanapun, perbelanjaan pembangunan bagi sektor awam dianggarkan berkurangan 0.4% kepada RM48,368 juta (1999: RM48,580 juta), disebabkan penurunan perbelanjaan pembangunan oleh PABK sebanyak 2.6%. Dengan itu, sektor awam dijangka mencatatkan defisit sebanyak RM14,787 juta atau 5% daripada KNK pada tahun 2000 (1999: -RM16,432 juta atau 5.8% daripada KNK).

Kerajaan Persekutuan

Walaupun pada tahun 2000 Kerajaan akan meneruskan dasar fiskal mengembang, amalan dasar fiskal berhemat akan terus dikekalkan bagi memastikan kemapanan kewangan Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, defisit Kerajaan Persekutuan pada tahun 2000 dijangka berada pada tahap 4.4% daripada KNK berbanding dengan defisit 4.9% dalam tahun 1999.

Kutipan hasil pada tahun 2000 dianggarkan meningkat 5.7%, terutamanya daripada peningkatan dalam kutipan cukai langsung khasnya cukai pendapatan syarikat dan individu, berikutan daripada prospek perniagaan yang bertambah baik serta meningkatkan peluang pekerjaan. Perbelanjaan mengurus dianggarkan meningkat 10.5% terutamanya berpunca daripada peruntukan yang lebih besar untuk bayaran khidmat hutang, bekalan dan perkhidmatan serta emolumen. Justeru itu, akaun semasa Kerajaan Persekutuan dianggarkan mencatatkan lebihan sebanyak RM7,546 juta. Bagaimanapun, perbelanjaan pembangunan kasar dianggarkan berkurangan 2.6% memandangkan Kerajaan mula mengurangkan rangsangan fiskalnya. Keutamaan bagi projek pembangunan pada tahun 2000 akan terus ditumpukan kepada projek yang akan meningkatkan produktiviti, mengalakkan permintaan dalam negeri serta kepada projek-projek sosial.

Hasil 2000

Hasil Kerajaan Persekutuan dijangka terus meningkat pada 2000 selaras dengan pemulihan ekonomi yang berterusan. Dengan mula dilaksanakan AFTA pada tahun 2000, Kerajaan dijangka mengalami kekurangan hasil sebanyak RM170 juta daripada pendapatan yang boleh dikutip berikutan penurunan tarif dan duti eksais. Oleh itu, hasil Kerajaan Persekutuan dianggarkan mencatatkan peningkatan 5.7% kepada RM59,897 juta.

Hasil daripada kutipan cukai akan terus kekal sebagai penyumbang utama kepada jumlah hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2000, dengan peratusan 79.4% atau berjumlah RM47,580 juta. Kutipan hasil bukan cukai yang merupakan 20.5%

daripada jumlah hasil Kerajaan Persekutuan dianggarkan meningkat sedikit sebanyak 0.2% kepada RM12,318 juta.

Kutipan cukai langsung yang merangkumi 61.1% daripada kutipan hasil cukai dijangka mencatatkan pertumbuhan 8.1% kepada RM29,096 juta. Kutipan cukai pendapatan kekal sebagai sumber utama bagi cukai langsung (93.6%) dan dijangka meningkat 7.8% kepada RM27,231 juta. Ini disumbangkan terutamanya oleh cukai syarikat yang bertambah 4.9% kepada RM16,383 juta dan cukai pendapatan individu meningkat 11.1% kepada RM6,994 juta serta seterusnya oleh peningkatan cukai pendapatan petroleum sebanyak 15.4% kepada RM3,724 juta. Kutipan cukai langsung lain yang meliputi 6.4% daripada kutipan cukai langsung dijangka meningkat 13% kepada RM1,865 juta, terutamanya menerusi kenaikan kutipan duti setem sebanyak RM1,440 juta yang dijangka meningkat 5.7%, berikutan daripada jangkakan pemulihan pasaran sektor hartanah dan pasaran saham pada tahun 2000.

Terimaan daripada cukai tidak langsung dijangka meningkat 5.7% kepada RM18,483 juta setelah mengambil kira pelaksanaan AFTA. Duti import, khususnya bagi kereta dan keluaran petroleum dianggarkan meningkat 1.6% kepada RM4,653 juta, manakala duti eksais dianggarkan meningkat 5.6% kepada RM4,754 juta. Ini diikuti dengan duti eksport yang dianggarkan meningkat 4.2% kepada RM623 juta berikutan peningkatan daripada duti eksport petroleum. Selaras dengan pemulihan prestasi ekonomi dan kenaikan perbelanjaan pengguna, kutipan cukai perkhidmatan dianggarkan meningkat 13.3% kepada RM1,656 juta dan cukai jualan 7.9% kepada RM4,622 juta.

Kutipan daripada hasil bukan cukai dijangkakan meningkat sedikit 0.2% kepada RM12,318 juta. Peningkatan ini adalah berpunca daripada kutipan lesen dan permit serta cukai jalan. Mencerminkan prospek perniagaan yang bertambah baik, kutipan lesen dan permit dijangka meningkat 5.7% kepada RM1,737 juta. Kutipan cukai jalan dijangka meningkat 5.7% kepada RM1,903 juta kerana jualan kenderaan bermotor dijangka meningkat. Walau bagaimanapun, royalti petroleum dianggarkan berkurangan dengan ketara sebanyak 11.7% kepada RM860 juta berikutan harga petroleum yang dijangka lebih rendah di pasaran

dunia pada tahun 2000. Terimaan daripada dividen Petronas dijangka berjumlah RM4,100 juta, manakala terimaan kadar faedah dan pulangan ke atas pelaburan adalah sebanyak RM2,217 juta.

Belanjawan Mengurus

Perbelanjaan mengurus bagi tahun 2000 dianggarkan berjumlah RM52,351 juta atau 7% lebih tinggi daripada perbelanjaan tahun 1999. Kebanyakan daripada perbelanjaan ini adalah untuk emolumen, bayaran khidmat hutang, pencen dan ganjaran dan geran dan bayaran pindahan kepada Kerajaan negeri yang kesemuanya merangkumi lebih daripada 60% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus. Peruntukan bagi emolumen kekal sebagai komponen utama perbelanjaan mengurus berjumlah 27.9% atau RM14,608 juta khususnya untuk perbelanjaan kenaikan gaji tahunan serta pengwujudan dan kenaikan jawatan yang kritikal dalam perkhidmatan awam terutamanya bagi guru-guru, perkhidmatan perubatan, jurutera, bidang keselamatan serta kenaikan pangkat bagi guru-guru berdasarkan tempoh masa perkhidmatan.

Peruntukan bayaran khidmat hutang dijangkakan meningkat 6.6% kepada RM9,630 juta atau 3.2% daripada KNK berikutan daripada pinjaman yang besar yang boleh diperolehi oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 1989 dan 1999. Daripada jumlah ini, 84.4% atau RM8,132 juta diperuntukan bagi bayaran khidmat hutang dalam negeri khususnya SKM yang berjumlah RM28 bilion yang diperolehi pada tahun 1998 dan 1999 berikutan daripada pinjaman dalam negeri yang besar.

Peruntukan bagi perkhidmatan dan bekalan dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 20.3% kepada RM7,564 juta, khususnya bagi penyenggaraan dan pembelian alatan untuk mempertingkatkan kecekapan pentadbiran Kerajaan, terutamanya pejabat-pejabat baru Kerajaan, sekolah, institut latihan, hospital baru, balai bomba, MATRADE dan Pusat Remote Sensing Kebangsaan (MACRES). Perbelanjaan pencen dan ganjaran dianggarkan meningkat 0.9% kepada RM4,104 juta berikutan anggaran peningkatan bilangan pesara di antara 18,000 orang kepada 20,000 orang pada tahun 2000.

Berasaskan perbelanjaan mengikut sektor, perbelanjaan perkhidmatan sosial terutamanya meliputi pendidikan dan perkhidmatan kesihatan berjumlah 34% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan mengurus. Peruntukan bagi sektor ini dianggarkan meningkat 8.1% kepada RM17,774 juta pada tahun 2000. Mencerminkan penekanan yang berterusan dalam pendidikan, peruntukan sektor kecil pendidikan kekal sebagai penerima terbesar dengan diperuntukkan sebanyak RM11,937 juta atau 67.2% daripada jumlah peruntukan bagi perkhidmatan sosial. Bagi memperbaiki perkhidmatan kesihatan, peruntukan bagi sektor kecil ini dijangkakan meningkat 11.4% kepada RM4,040 juta.

Peruntukan sektor perkhidmatan ekonomi dianggarkan berkurangan 13.5% kepada RM4,266 juta dan merangkumi 8.1% daripada jumlah perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan pada tahun 2000. Daripada jumlah ini, peruntukan bagi perdagangan dan perindustrian adalah yang terbesar iaitu RM1,665 juta. Walau bagaimanapun, dari segi pertumbuhan, ia merosot 21.6%. Manakala, sektor kecil pengangkutan dijangka meningkat sedikit sebanyak RM1,257 juta atau 0.8%. Perbelanjaan bagi sektor keselamatan, meliputi 12.6% daripada jumlah perbelanjaan mengurus, dianggarkan meningkat 9.6% kepada RM6,587 juta, khususnya bagi perkhidmatan dan bekalan selaras dengan program pemodenan di dalam sektor kecil pertahanan.

Belanjawan Pembangunan

Walaupun perbelanjaan pembangunan pada tahun 2000 berkurangan 5.3% kepada RM23,674 juta, namun ia kekal besar. Bahagian terbesar adalah untuk sektor ekonomi (46%) yang dijangka berkurangan 14.5% kepada RM10,875 juta. Dari jumlah ini, sebanyak RM3,762 juta atau 34.6% diperuntukan bagi sektor kecil perdagangan dan perindustrian. Peruntukan bagi sektor kecil pengangkutan terutamanya untuk pembinaan dan menaik taraf jalanraya dan jambatan di kawasan bandar dan luar bandar serta pelabuhan dan projek lapangan terbang dianggarkan berkurangan 8.6% kepada RM4,643 juta. Pertanian dan pembangunan luar bandar menerima peruntukan berjumlah RM1,258 juta, terutamanya untuk pembangunan tanah, perparitan dan saliran serta bagi projek

pertanian bersepadu (IADP). Kemudahan awam dijangka menerima peruntukan sebanyak RM1,013 juta dan perhubungan RM21 juta.

Peruntukan sektor perkhidmatan sosial dianggarkan meningkat 3.8% kepada RM7,252 juta. Daripada jumlah ini, sejumlah RM3,695 juta atau 51.0% diperuntukkan kepada sektor kecil pendidikan, khususnya untuk pembinaan sekolah-sekolah baru serta menaik taraf institut latihan perindustrian. Perbelanjaan sektor kecil kesihatan dianggarkan meningkat sedikit sebanyak 0.9% kepada RM908 juta terutamanya bagi pembinaan dan menaik taraf hospital dan kemudahan-kemudahan kesihatan lain. Peruntukan bagi perumahan dijangka meningkat sedikit sebanyak 0.1% kepada RM1,145 juta, khususnya untuk pembinaan kuarters kakitangan angkatan tentera,

anggota Polis DiRaja Malaysia serta kakitangan kastam dan guru-guru.

Peruntukan sektor keselamatan dianggarkan berkurangan 26.4% kepada RM2,634 juta, sebahagian besarnya adalah untuk sektor kecil pertahanan yang berjumlah RM2,122 juta. Peruntukan bagi keselamatan dalam negeri dianggarkan meningkat 103.2% kepada RM512 juta. Peningkatan ini adalah untuk Jabatan Polis DiRaja Malaysia bagi pembinaan balai-balai polis baru dan pembelian peralatan. Peruntukan bagi sektor pentadbiran am kekal besar berjumlah RM2,913 juta. Perbelanjaan ini adalah bagi pengkomputeran pentadbiran Kerajaan, pembangunan aplikasi perdana di bawah Koridor Raya Multimedia (MSC) dan kemudahan-kemudahan awam untuk pusat pentadbiran Kerajaan di Putrajaya.